

FPP BizNewz

Jan - May 2023

MANAGEMENT • INVESTMENT • ECONOMICS • ENTREPRENEURSHIP • TECHNOLOGY

BUKIT MERAH
"THE RED FOREST"
PERMATA TERSEMBUNYI DI JERANTUT

TOXIC FRIENDSHIP
WHEN IT'S TIME TO LET GO

GRADUATES
WHO ARE THE URBAN POOR

ARROWS OF THE FAITHFUL
THE IMPORTANCE OF ARCHERY IN ISLAM

**TWIN-TO-TWIN TRANSFUSION
SYNDROME (TTTS)**



Publication Date
1 June 2023

EKSPEDISI MENAWAN GUNUNG ANGSI

Ekspedisi Menawan **GUNUNG ANGSI**

1Mazratul Firdaus Mohd Zin, 2Siti Rapidah Omar Ali, 2Zuraini Jusoh
1Pengajian Kejuruteraan Elektrik, UiTM Cawangan Terengganu
2Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Cawangan Terengganu
Email: mazratul204@uitm.edu.my

Gunung Angsi merupakan sebuah gunung yang terletak di Tanjung Ipoh, daerah Kuala Pilah, Negeri Sembilan, Malaysia dan mempunyai ketinggian setinggi 825 meter (2,702 kaki). Ia merupakan salah satu tarikan bagi Hutan Rekreasi Ulu Bendol dan terbuka bagi aktiviti pendakian. Pendakian Gunung Angsi biasanya mengambil masa selama dua jam dimana ianya melalui laluan trek sepanjang 4.5 kilometer sepanjang Sungai Batang Terachi. Jadi, gunung ini menjadi salah satu tarikan bagi para peminat aktiviti pendakian di sekitar negeri tersebut bahkan dari seluruh tanah air.

Setiap minggu di media sosial, ada saja kumpulan-kumpulan pendaki memuatnaik gambar aktiviti pendakian mereka ke Gunung Angsi. Oleh itu, ia membuatkan kami terpanggil untuk cuba dan merasai sendiri pengalaman mendaki ke puncak Gunung Angsi. Walaupun kami bermastautin di negeri Terengganu, namun minat yang mendalam terhadap aktiviti sebegini membuatkan kami sanggup untuk ke sana. Trip kami ini merupakan yang pertama kali dan kami memilih untuk melalui Bukit Putus dan berakhir di Ulu Bendul. Jarak perjalanan adalah lebih kurang 12 km dengan ketinggian 825 meter dari paras laut.

Pada jam 7.30 pagi kami memulakan perjalanan dari Lukut ke Ulu Bendul yang terletak dalam daerah Kuala Pilah. Memandangkan kami akan memulakan pendakian dari Bukit Putus dan berakhir di Ulu Bendul, perjalanan kami melibatkan penggunaan dua buah kereta. Setelah lebih kurang satu jam perjalanan kami tiba di Ulu Bendul, sebuah kereta diletakkan di kawasan



meletak kereta. Kemudian kami berempat bertolak ke Bukit Putus menaiki sebuah lagi kereta. Sebelum memulakan pendakian kami ke kaunter untuk mendapatkan permit. Hanya perlu membayar RM5 sahaja seorang. Setelah merakam gambar kenangan di papan tanda Gunung Angsi kami bersedia utk memulakan pendakian. Segala keperluan dipastikan cukup sebelum memulakan pendakian.

Pada jam 9.30 pagi, pendakian bermula dengan mendaki anak tangga besi sehingga bertemu laluan yang sebenar. Sepanjang perjalanan mendaki, laluan agak becak dan licin disebabkan hujan di awal pagi. Perjalanan untuk sampai ke puncak mengambil masa lebih kurang 2 jam termasuk sesi-sesi bergambar di sepanjang perjalanan. Terdapat banyak akar di sepanjang laluan pendakian ianya agak memudahkan perjalanan kami. Lebih kurang jam 11.30

pagi kami berempat tiba di puncak dan tidak lupa utk merakam gambar dan video pemandangan yang sangat indah di puncak Gunung Angsi untuk dijadikan kenangan. Setelah puas bergambar, kami berehat dan menikmati bekal yang dibawa. Masing-masing membawa makanan yang mudah sahaja sekadar untuk mengalas perut. Terdapat sebuah gazebo yang besar disediakan di puncak khas untuk para pendaki menghilangkan penat. Setelah cukup berehat di puncak, pada jam 12.00 tengahari kami memulakan perjalanan turun melalui laluan ke Ulu Bendul. Laluan ini agak berbeza dengan laluan semasa mendaki tadi. Ianya agak mencabar kerana laluan menurun tanpa penghujun dengan akar yang banyak, ditambah pula keadaan laluan yang basah. Tidak dapat kami bayangkan kalau mendaki dari Ulu Bendul ke puncak. Cabaran berganda. Perjalanan turun melalui beberapa checkpoint iaitu yang pertama Bukit



Botak. Kami perlu turun menggunakan tangga yang disediakan. Terdapat beberapa anak sungai perlu direntasi sepanjang perjalanan tersebut.. Sungai pertama agak mudah direntas memandangkan air yang sangat cetek dan berbatu. Kami sempat berehat sebentar bagi menghilangkan penat. Perjalanan diteruskan dan bertemu lagi sungai yang tersedia tali utk merentas iaitu checkpoint kedua Sungai Terakhir. Kami merentas sungai dengan berhati-hati menggunakan tali yang diikat melintang sungai. Checkpoint ketiga Kem Tangga Batu merupakan salah satu kawasan yang kami tempuhi.

Sepanjang perjalanan menurun, terdapat banyak pacat ditemui dan ada yang sempat hinggap ke kulit dan seluar. Mungkin disebabkan keadaan basah selepas hujan diawal pagi menyebabkan pacat-pacat ini muncul. Checkpoint yang keempat adalah Sistem Siren dimana terdapat kotak siren dipasang di tebing sungai. Kemudian kami bertemu sebuah lagi sungai yang perlu direntas. Mungkin sungai ini checkpoint ke lima Jeram Kak Lang. Sungai ini agak deras airnya dan tiada tali disediakan. Tepat jam 2.30 petang kami tiba di Taman Rekreasi Ulu Bendul. Selesai pendakian, kami membersihkan diri di kawasan perkhemahan Ulu Bendul dan kemudian makan serta solat di situ.

Secara kesimpulannya, trip pertama ke Gunung Angsi berjaya dan sangat menarik.



Pengalaman yang sangat berharga apabila kami berjaya melalui laluan turun ke Ulu Bendul tanpa pemandu arah. InsyaAllah ada masa kami datang lagi.

Rujukan:

Han Travel. (n.d.). Bukit Merah Padang Piol Red Forest. Retrieved June 4, 2023, from <https://tamannegaratravel.com/portfolio/bukit-merah-padang-piol-red-forest/>
 Pahang Hive. (n.d.). Hutan Merah Bukit Buluh-Jerantut. Retrieved June 4, 2023, from <https://www.facebook.com/pahanghive/posts/pfbidOTPbo1dgsZrHu4uiTATh3iqMobfhqvx4Uc3GhYT1nZGYurEZfBaxMs1zEReUciMSEI>



BizNewz 2023
Faculty of Business and Management
Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu, Kampus Dungun
Sura Hujung, 23000 Dungun, Terengganu, MALAYSIA
Tel: +609-8400400
Fax: +609-8403777
Email: biznewzuitm@gmail.com